

15/04/2003

Ulang tahun Umno di Stadium Merdeka

KUALA LUMPUR: Sambutan ulang tahun penubuhan Umno ke-57 dijangka diadakan di Stadium Merdeka pada 11 Mei ini, kata Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Beliau berkata, jawatankuasa pengurusan Umno pada dasarnya bersetuju sambutan tersebut diadakan di stadium itu tetapi belum membuat keputusan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memberi amanat pada sambutan itu, kali terakhir mungkin dihadirinya selaku Presiden Umno.

Dr Mahathir telah menyatakan beliau akan bersara Oktober ini dan telah menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri, sebagai pengganti beliau.

Abdullah kini memangku jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno disebabkan Dr Mahathir sedang bercuti.

Difahamkan, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Jumaat ini, yang akan dipengerusikan Abdullah, dijangka membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu setelah butiran lanjut dikemukakan jawatankuasa pengurusan Umno.

Pemilihan Stadium Merdeka dijangka menjadikan sambutan kali ini begitu bermakna dan simbolik kerana di tempat itu, bekas Perdana Menteri Allahyarham Tunku Abdul Rahman, melaungkan jeritan 'Merdeka' pada 31 Ogos 1957, sebagai tanda Tanah Melayu bebas daripada penjajahan British.

Sambutan ulang tahun ke-56 Umno pada 11 Mei tahun lalu diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam.